

# Gadis nasi lemak mahu fokus bisnes

■ KAMARUL HALIM M KAMAL

**BATU PAHAT** - Gadis viral 'nasi lemak anak dara', akan terus bermiaga walaupun satu hari nanti dia bergelar jurutera kerana itu pekerjaan pertamanya.

Gadis berkenaan, Siti Hajjar Ahmad, 24, mula terkenal apabila kisah perniagaan nasi lemaknya mendapat perhatian ramai khasnya pengguna media sosial, baru-baru ini.

Terdahulu pada 30 September lalu, *Sinar Harian* melaporkan gerai milik seorang gadis penjual nasi lemak di Seksyen 7, Shah Alam dikenakan kompaun RM2,000 oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), sehingga menjadi viral di media sosial.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebelum ini juga menyerahkan Borang Permohonan Lesen Penjaja MBSA sebagai langkah permulaan kepada anak muda itu untuk menjalankan perniagaannya secara sah.

Siti Hajjar kini graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan



Siti Hajjar kini bergelar graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik.

Elektronik, menjadi antara penerima dalam Sidang Kedua Majlis Konvokesyen Ke-16 yang disampaikan Pro Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Tan Sri Dr Ali Hamsa, kelmarin.

Katanya, dia tidak pernah terfikir menjadi popular dan mendapat perhatian pelbagai pihak kerana tujuan asalnya mencari rezeki membantu ibu dan dua adiknya yang masih belajar.

"Saya bersyukur sangat dengan

apa yang saya lalui ini dan perancangan seterusnya adalah untuk fokus perniagaan nasi lemak ini terlebih dahulu sebelum mencari pekerjaan tetap pada tahun depan.

"Idea bermiaga ini datangnya dari ripada kawan saya, gelaran ini pula diberikan pelanggan. Saya jual nasi lemak ini sementara menunggu panggilan temuduga."

"Saya ada menerima tawaran bekerja namun saya mahu fokus dahulu

bidang perniagaan yang baharu saya ceburi beberapa bulan lalu," kata anak kelahiran Sungai Petani, Kedah itu.

Tambahnya, dia akan tetap merelisasikan impian ibunya, Asmah Senapi, 55, yang mahu beliau menjadi jurutera tetapi pada masa sama akan terus bermiaga Nasi Lemak Anak Dara.

Sementara itu, ibunya, Asmah menyokong sebarang usaha dilakukan anak ketiganya itu namun tetap berhasrat untuk melihat Siti Hajjar menjadi seorang jurutera.

Katanya, Siti Hajjar berjanji meneruskan apa yang dipelajarinya namun dalam masa terdekat ini anaknya itu mahu menumpukan perhatian terhadap perniagaan terlebih dahulu.

"Saya terkejut dengan hasratnya untuk terus bermiaga, walaupun pada asalnya dia bercita-cita untuk menjadi seorang jurutera. Saya tetap izinkan asalkan dia tidak lupa janjinya terhadap saya juga arwah ayahnya."

"Bakat memasak Siti Hajjar ini dapat dilihat apabila pantang sahaja ada cuti semester dia akan memasak



Siti Hajjar bersama ijazah diterimanya selepas konvokesyen.

untuk saya dan juga adik-adiknya, selain turut mampu mencipta beberapa menu untuk kami sekeluarga," katanya.